



Ruj. Kami: KKM.100-1/6/3 Jld.2 (69)

Tarikh: 28 Mei 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Tuan/Puan,

PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN DI PEJABAT, INSTITUSI, HOSPITAL DAN KLINIK DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Tuan/Puan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, mengambil kira situasi semasa penularan pandemik COVID-19, Kerajaan pada 22 Mei 2021 telah mengumumkan pelaksanaan sekatan tambahan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0). Selaras dengan pengumuman tersebut, pengoperasian bagi pejabat Kerajaan termasuk perkhidmatan di sektor swasta perlu dilaksanakan secara hibrid menerusi keberadaan di pejabat dan kebenaran untuk Bekerja Dari Rumah (BDR).

Perkhidmatan Kesihatan Beroperasi Sepenuhnya

3. - Selaras dengan ketetapan tersebut, Ketua Jabatan perlu memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan beroperasi sepenuhnya walaupun dalam keadaan Ketua Jabatan perlu menimbang pengoperasian perkhidmatan secara hibrid.

Kehadiran Ke Pejabat dan Bekerja Dari Rumah

4. Dalam hal ini, kehadiran bekerja di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam tempoh PKP 3.0 ini adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori Perkhidmatan Kesihatan	Kehadiran Bertugas
(i)	Petugas barisan hadapan (petugas kesihatan dan bukan kesihatan) di KKM serta petugas yang menjalankan skop tugas keselamatan dan penguatkuasaan termasuklah pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan apa-apa yang melibatkan kepentingan umum.	Kehadiran bertugas - 100 %.
(ii)	Petugas (kesihatan dan bukan kesihatan) serta petugas yang diarah untuk penugasan semula.	Kehadiran bertugas -100% atau mengikut arahan dan tempoh yang ditetapkan.
(iii)	Petugas lain yang dibenarkan oleh Ketua Jabatan.	Keberadaan di pejabat 20% : BDR secara penggiliran 80%.

Tanggungjawab Ketua Jabatan

5. Mengambil kira perkhidmatan kesihatan di KKM dikategorikan sebagai salah satu **perkhidmatan perlu (essential service)**, YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Tuan/Puan hendaklah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (a) semua pejabat, institusi, hospital dan klinik **beroperasi sepenuhnya mengikut waktu bekerja ditetapkan** bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan terus berjalan lancar dan tidak terjejas;
- (b) dalam menimbang kehadiran pegawai bertugas hingga **20 peratus**, Ketua Jabatan hendaklah **mengambil kira kepentingan penyampaian perkhidmatan kesihatan**;
- (c) Ketua Jabatan boleh **menggunakan kebijaksanaan** bagi menentukan mana-mana pegawai yang perlu bekerja di pejabat atau BDR sama ada **secara penggiliran atau sepenuh masa atau separuh hari**. Ini kerana skop kerja di pejabat, institusi, hospital dan klinik adalah **unik dan berbeza-beza** yang mana Ketua Jabatan lebih memahami keperluan di peringkat masing-masing. Selain itu, skop kerja yang melibatkan hal ehwal pengurusan dan khidmat sokongan juga **penting dan saling melengkapi** bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan di KKM terus berjalan lancar, cekap dan berkesan;

- (d) memastikan **skop kerja yang penting dan tidak boleh ditangguhkan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan**. Antara skop kerja di KKM yang memerlukan keberadaan pegawai di pejabat, institusi, hospital atau klinik dalam tempoh tertentu adalah seperti berikut:
- (i) menyediakan Memorandum Jemaah Menteri dan menguruskan dokumen-dokumen Rahsia atau Rahsia Besar;
 - (ii) menguruskan perolehan menerusi kaedah biasa dan perolehan darurat;
 - (iii) menguruskan hal ehwal kewangan khususnya agihan peruntukan kewangan dan melaksanakan pembayaran;
 - (iv) membuat pengagihan peralatan perubatan, stok reagen dan konsumabel di fasiliti kesihatan;
 - (v) menguruskan pelantikan tetap dan pelantikan secara kontrak (*contract of service*) petugas tambahan, melaksanakan penempatan dan penugasan semula petugas (kesihatan dan bukan kesihatan) ke fasiliti kesihatan dan lapangan seperti menempatkan petugas di pintu masuk utama negara (udara dan

darat), Pusat Panggilan (*Hotline Center*), Pusat Saringan COVID-19 dan Pusat Pemberian Vaksin;

- (vi) melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di lapangan;
 - (vii) menguruskan hal ehwal pentadbiran dan khidmat sokongan di fasiliti kesihatan;
 - (viii) mengumpul dan menganalisis data kesihatan pada setiap hari khususnya data COVID-19;
 - (ix) membantu untuk menghubungi kontak rapat pesakit COVID-19 dalam komuniti; dan
 - (ix) bertugas di jabatan rekod, kaunter hasil dan kaunter pendaftaran di hospital dan klinik.
- (e) memastikan pegawai yang dibenarkan BDR mematuhi **garis panduan** yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan sekiranya dibenarkan untuk membawa pulang dokumen terperingkat dalam tempoh BDR; dan
- (f) melaksanakan **mesyuarat dan latihan secara dalam talian** melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan.

Kepatuhan Kepada Peraturan, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard

6. Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 tahun 2020 – Dasar Bekerja Dari Rumah dan mengambil kira ketetapan dalam surat edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 24 Mei 2021 mengenai Garis Panduan Pengoperasian Pejabat Kerajaan Di Bawah Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.

7. Dalam tempoh BDR, pegawai **hendaklah berada di rumah dan tidak boleh melaksanakan kerja-kerja lain** seperti menjalankan perkhidmatan *e-hailing* dan berada di pusat membeli-belah. Sebarang ketidakpatuhan sekiranya dibuktikan, pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

8. Dalam tempoh pelaksanaan PKP ini, Ketua Jabatan hendaklah **memastikan peraturan, garis panduan dan surat edaran** yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan KKM dipatuhi bagi memastikan keluk jangkitan pandemik COVID-19 dapat dilandaikan. Selain itu, pegawai yang berada di pejabat, institusi, hospital atau klinik hendaklah **sentiasa mematuhi prosedur operasi standard bagi mencegah jangkitan pandemik COVID-19** seperti memakai pelitup muka, mengimbas kod MySejahtera setiap kali masuk ke pejabat dan sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal.

Pelaporan Secara Mingguan

9. Ketua Jabatan **hendaklah mengemukakan laporan** peratusan kehadiran pegawai di peringkat negeri **secara mingguan** kepada Bahagian Sumber Manusia KKM **pada setiap Khamis sebelum jam 12.00 tengah hari** bagi membolehkan KKM mengemukakan maklumat tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 12.00 tengah hari hari berikutnya (Jumaat).

10. Format pelaporan adalah seperti **Lampiran**.

Tarikh Kuat Kuasa

11. Pelaksanaan ini berkuat kuasa **mulai 25 Mei 2021** hingga keputusan penamatan pelaksanaannya diumumkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)

s.k.:

YB. Menteri Kesihatan Malaysia

YB. Timbalan Menteri Kesihatan I

YB. Timbalan Menteri Kesihatan II

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan
Teknikal)

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)

Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)

Pengarah Kanan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)

SENARAI EDARAN

PROGRAM PENGURUSAN

1. SUBK (Pembangunan)
2. SUB (Sumber Manusia)
3. SUB (Dasar dan Hubungan Antarabangsa)
4. Penasihat Undang-Undang
5. SUB (Pengurusan Latihan)
6. SUB (Khidmat Pengurusan)
7. SUB (Pengurusan Maklumat)
8. SUB (Kewangan)
9. SUB (Perolehan dan Penswastaaan)
10. SUB (Akaun)
11. SUB (Pembangunan Kompetensi)
12. Ketua Audit Dalam
13. Ketua Unit Integriti
14. Ketua Unit Komunikasi Korporat

PROGRAM KESIHATAN AWAM

1. Pengarah (Pembangunan Kesihatan Keluarga)
2. Pengarah (Kawalan Penyakit)
3. Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan
4. Pengarah Bahagian Pemakanan

5. Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

PROGRAM PERUBATAN

1. Pengarah (Perkembangan Perubatan)
2. Pengarah (Amalan Perubatan)
3. Pengarah (Sains Kesihatan Bersekutu)
4. Pengarah (Kejururawatan)
5. Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
6. Pengarah Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan

PROGRAM PENYELIDIKAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL

1. Pengarah (Perancangan)
2. Pengarah (Perkhidmatan Kejuruteraan)

PROGRAM PERGIGIAN

1. Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
2. Pengarah Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian
3. Pengarah Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian
4. Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian

PROGRAM FARMASI

1. Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi
2. Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
3. Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
4. Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara

PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

1. Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
2. Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Standard Codex
3. Pengarah Bahagian Pematuhan dan Pembangunan Industri

JABATAN KESIHATAN NEGERI

1. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Lot 217, Mukim Utan Aji
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
PERLIS
2. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
KEDAH

3. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Jalan Resideni
10450 Georgetown
PULAU PINANG

4. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Koo Chong Kong
30000 Ipoh
PERAK

5. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9,10,11 dan 17, Wisma Sunway
No. 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C, Seksyen 9
40100 Shah Alam
SELANGOR

6. Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
Kompleks Pejabat-Pejabat Kesihatan
Jalan Cenderasari
50590 W.P. KUALA LUMPUR

7. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN

8. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3, 4 dan 5, Wisma Persekutuan
Jalan Business City, Bandar MITC
75450 Ayer Keroh
MELAKA

9. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 3 & 4, Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80590 Johor Bahru
JOHOR

10. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
PAHANG

11. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20920 Kuala Terengganu
TERENGGANU

12. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15590 Kota Bharu
KELANTAN

13. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93050 Petra Jaya, Kuching
SARAWAK

14. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Wisma Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
SABAH

15. Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 80832
87108 W.P. LABUAN

16. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
50586 Jalan Pahang
W.P. KUALA LUMPUR

17. Pengarah
Institut Pengurusan Kesihatan
Blok B1, Kompleks Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH)
No. 1, Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13, Setia Alam
40170 Shah Alam
SELANGOR

18. Pengarah
Institut Kesihatan Umum
Blok B5 & B6, Kompleks NIH
No. 1, Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13, Bandar Setia Alam
40170 Shah Alam
SELANGOR

19. Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan
50588 Jalan Pahang
W.P. KUALA LUMPUR

20. Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
50590 Jalan Pahang
W.P. KUALA LUMPUR

21. Pengarah
Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC)
Tingkat 3, Bangunan Dermatologi
Hospital Kuala Lumpur
50586 Jalan Pahang
W.P. KUALA LUMPUR

22. Pengarah
Pusat Darah Negara
50400 Jalan Tun Razak
W.P. KUALA LUMPUR

23. Pengarah
Agensi Regulatori Farmasi Negara
Lot 36, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
SELANGOR

24. Pengarah
Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan
Kompleks Institut Kesihatan Negara(NIH)
No. 1, Jalan Setia Murni U13/52 Seksyen U13, Bandar Setia
Alam 40170 Shah Alam
SELANGOR

25. Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 1853, Kampung Melayu
47000 Sungai Buloh
SELANGOR

26. Pengarah
Institut Kanser Negara
No. 4, Jalan P7, Presint 7
62250 W.P. PUTRAJAYA

27. Pengarah
Institut Penyelidikan Tingkah Laku Kesihatan
Kompleks NIH, Blok B3, Kompleks NIH
No. 1, Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13, Setia Alam
40170 Shah Alam
SELANGOR

28. Pengarah
Pusat Kawalan Kusta Negara
Jalan Hospital
47000 Sungai Buloh
SELANGOR
29. Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP)
Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II
Block 3547, Persiaran APEC
63000 Cyberjaya
SELANGOR
30. Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Perubatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 1, Blok C
50590 Jalan Cenderasari
W.P. KUALA LUMPUR
31. Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC)
Tower 2, Jalan Rakyat
50470 Brickfields
W.P. KUALA LUMPUR

LAPORAN SECARA MINGGUAN

PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN DI PEJABAT, INSTITUSI, HOSPITAL DAN KLINIK DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0

IBU PEJABAT/HKL/JKN: _____

Tempoh:		hingga	
---------	--	--------	--

Bilangan Warga Kerja	Warga kerja yang layak BDR 20%	Jumlah Kehadiran Ke Pejabat	Peratusan Kehadiran (%)

Nota:

Maklumat ini (seperti di Perenggan 4 (iii)) hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia KKM melalui alamat e-mel : unit_dp@moh.gov.my